

KENYATAAN TENDER TERBUKA

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Majlis Peperiksaan Malaysia mempelawa syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berkaitan dan masih sah/dibenarkan membuat tawaran untuk mengambil bahagian di dalam tender seperti yang berikut.

Nombor dan Tajuk Tender	Kelayakan Petender	Tarikh Buka dan Tutup Tender	Harga Dokumen Tender
MPM(S)/BPK/T3.2/1/2020 Mencetak dan Membungkus Kertas Soalan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Bukan Berbahasa Melayu dan <i>Malaysian University English Test</i> (MUET) Tahun 2020/2021	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 221607 (Cetakan Keselamatan) dan; Mempunyai Lesen Mesin Cetak yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri	Tarikh buka tender: 7 Oktober 2019 Waktu: mulai 10:00 pagi Tarikh tutup tender: 28 Oktober 2019 Waktu: 12:00 tengah hari	RM100.00

Dokumen tender boleh dibeli mulai 7 Oktober 2019 jam 10:00 pagi di Bahagian Pengurusan Kewangan, Majlis Peperiksaan Malaysia, Aras 4 Utara, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan mengemukakan deraf bank/kiriman wang bernilai RM100.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Sahaja) atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.

Petender hendaklah mengemukakan salinan asal dan sesalinan Akuan Pendaftaran Kontraktor dalam kod bidang diperlukan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, Lesen Mesin Cetak yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri, dan surat kuasa kepada wakil syarikat semasa memohon pembelian dokumen tender.

Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul, nombor dan tajuk tender berkaitan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di Aras 3 Selatan, Bangunan MPM, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup. Tawaran yang LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

Majlis Peperiksaan Malaysia tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran harga yang paling rendah atau mana-mana tawaran sekali pun.